



**TEKS UCAPAN
YAB PERDANA MENTERI
BERSEMPENA PERHIMPUNAN YAB PERDANA
MENTERI BERSAMA WARGA JPM BAGI BULAN
OKTOBER 2018**

Tarikh : 10 Oktober 2018

Masa : 8.15 Pagi

**Tempat : Dataran Perdana
Bangunan Perdana Putra
Putrajaya**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;

Yang Berhormat Menteri-Menteri; Timbalan-Timbalan Menteri

Yang Berbahagia Datuk Seri Ketua Setiausaha Negara dan pegawai-pegawai tertinggi dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pada pagi ini saya ingin bercakap berkenaan dengan keluhuran undang-undang yang merupakan salah satu daripada rukun yang kelima yang kita junjungkan. Kita adalah sebuah Negara demokrasi tetapi demokrasi bukan bermakna hanya memilih Kerajaan melalui undi. Memang itu adalah perkara yang besar dan utama dalam sebuah demokrasi tetapi demokrasi juga perlu patuh kepada pentadbiran mengikut undang-undang (*the rules of law*). Ini selalu kita sebutkan tetapi kadang-kadang tidak memikirkan apakah maknanya *the rule of law*.

Dalam mana-mana masyarakat yang bertamadun, tetap akan ada undang-undang yang bertujuan melindungi bukan sahaja rakyat, tetapi juga raja dan pemerintahannya. Inilah sebabnya kita mengadakan undang-undang. Sebelum adanya undang-undang, kita mempunyai adat tetapi adat tidak mencukupi untuk memberikan perlindungan kepada semua pihak dalam sesebuah negara. Kita perlu kepada undang-undang yang akan melindungi hak masing-masing dan kita perlu patuh pada undang-undang ini. Jika kita tidak utamakan undang-undang, maka hurahara akan berlaku dalam negara kita.

Dalam keadaan tiada undang-undang, maka yang kuat akan menindas yang lemah dan yang lemah terpaksa tunduk kepada yang kuat. Tetapi apabila kita mempunyai undang-undang, bukan soal kekuatan yang diutamakan, soal betul ataupun tidak adalah lebih penting dan undang-undang mestilah undang-undang yang adil kepada semua pihak.

Kita tidak boleh mengadakan undang-undang yang tidak adil, Walaupun demikian, kita tahu kadang-kadang ada undang-undang yang menekan rakyat. Undang-undang ini jika dilaksanakan, akan menyebabkan kepincangan di kalangan rakyat. Sebab itulah undang-undang perlu disemak sama ada adil ataupun tidak. Jika ianya tidak adil atau jauh lari daripada keadilan, maka undang-undang itu perlu dimansuhkan ataupun diperbetulkan. Hanya undang-undang yang betul-betul melindungi hak rakyat, kerajaan dan Raja-Raja sahaja yang boleh kita teruskan dan amalkan.

Dalam negara kita ini kita dapati banyak pihak yang berkuasa. Raja juga sedikit sebanyak berkuasa tetapi kuasa itu juga terhad mengikut undang-undang negara. Undang-undang memperuntukan mahkamah-mahkamah tertentu. Demikian juga dengan kerajaan walaupun kerajaan diberi kuasa, kuasa itu bukanlah boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya. Kuasa itu mestilah dilaksanakan dan dikuatkuasakan mengikut undang-undang negara.

Walaupun kuasa diberi kepada pemerintah, ini tidak bermakna pemerintah boleh berbuat apa sahaja. Jika ada sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang ataupun sesuatu yang tidak adil, maka rakyat berhak bertindak ke atas kerajaan juga. Demikian juga dengan rakyat, dimana tujuan undang-undang adalah untuk melindungi

hak rakyat yang ditentukan supaya tiada penindasan walau oleh raja ataupun kerajaan kerana dengan adanya undang-undang ini barulah kita akan lihat keadilan berlaku dalam masyarakat kita.

Sebagai pemerintah mahupun sebagai pegawai-pegawai dalam kerajaan, kita perlu patuh kepada undang-undang. Jika undang-undang itu tidak baik, maka kita berhak meminda atau memansuhkan undang-undang. Tetapi selagi ada undang-undang, kita perlu patuh kepada undang-undang itu. Terdapat cara-cara tertentu untuk memperbaiki undang-undang tetapi tidak ada mana-mana pihak yang berhak untuk mengetepikan undang-undang dan menggunakan kuasa dan kekerasan ke atas rakyat atau pun kepada mana-mana pihak. Inilah yang memberi makna kepada demokrasi. Kalau tiada keluhuran undang-undang, iaitu luhur disini bermakna mulia. Jika tidak ada undang-undang yang mulia dan adil maka akan berlaku lah kucar-kucar dalam negara kita.

Negara yang tidak aman dan tidak mengikut undang-undang, sudah tentu negara kita tak mungkin menjadi maju dan rakyat tidak mungkin hidup dalam keadaan selamat dan terlindung. Inilah sebabnya yang kita perlu memberi keutamaan kepada undang-undang. Pada satu masa dahulu, ada tindakan-tindakan yang mengenenpikan undang-undang kerana mempunyai kuasa. Ini tidak seharusnya berlaku dalam kerajaan yang ada sekarang ini. Jika terdapat perkara yang sedemikian, maka pihak yang tertindas berhak untuk mendakwa pihak yang melakukan salah guna undang-undang ini di mahkamah. Maka mahkamah lah yang akan menentukan sama ada perbuatan itu mengikut undang-undang ataupun tidak.

Dalam negara demokrasi, kuasa dibahagi kepada tiga. Kuasa yang membuat undang-undang (*legislative*) diberi kepada wakil-wakil rakyat dan kerajaan bila pilihan raya. Kedua, yang berkuasa ialah eksekutif iaitu pemerintah yang terlibat dengan pemerintahan dan yang menguatkuasakan undang-undang. Pemerintahan di sini bermakna *civil services* iaitu khidmat oleh pegawai-pegawai tertentu. Ia juga bermakna tindakan menguatkuasa undang-undang oleh pihak polis dan tentera.

Ketiga-tiga bahagian ini adalah pelaksana undang-undang dan mereka diberi kuasa. Namun demikian, kuasa mereka juga terhad kepada peruntukan undang-undang. Jika ada sesuatu yang tidak mematuhi *sprit* ataupun kehendak undang-undang, maka ada tempat bagi kita untuk mengadu iaitu kepada sistem kehakiman. Hakim mestilah bebas daripada segala pengaruh, tidak boleh terlibat kepada politik, tidak boleh memihak kepada keluarga ataupun kawan. Sebaliknya, hakim mesti mengikut maksud undang-undang yang telah digubalkan. Jika benar berlaku sesuatu yang bertentangan dgn undang-undang, maka hakimlah yang akan menentukan betul ataupun tidak akan perkara itu bertentangan dengan undang-undang.

Pembahagian kuasa kepada tiga pihak ini menjadi satu daripada keutamaan dalam sebuah negara demokratik. Tidak ada siapa yang boleh berkuasa tanpa mengambil berat akan hak kuasa yang lain. Walaupun Raja, Perdana Menteri pegawai pentadbir, polis mahupun tentera mereka perlu bertindak mengikut undang-undang. Sebab itu kita perlu kepada undang-undang yang luhur dan mulia dan menjunjung keadilan serta undang-undang yang tidak menekan kepada mana-mana pihak.

Kita perlu faham akan keluhuran undang-undang ini merupakan salah satu rukun yang kelima. Kita tidak akan bergerak tanpa panduan yang diberi mengikut undang-undang yang membolehkan undang-undang itu dilaksanakan. Ini amat penting sekali kerana kita sedang cuba untuk memulihkan kerajaan dan juga supaya rakyat lebih hormati kerajaan untuk kesejahteraan hidup dan pembangunan negara kita.

Kita tahu kita adalah satu bangsa yang bertamadun. Orang yang bertamadun tidak akan bergerak tanpa peraturan dan undang-undang. Jika kita tidak diiktiraf peraturan dan undang-undang, maka kita tidak boleh mendakwa bahawa kita adalah bangsa yang bertamadun.

Jika benar berlaku sesuatu bertentangan undang-undang, hakim yang menentukan benar atau tidak terhadap perkara yang bertentangan dengan undang-undang tanpa perlu ada rasa takut apabila menjalankan tugas secara adil. Sebab itu lah, pemilihan hakim juga akan diberi kepada Parlimen untuk menapis calon-calon sebelum dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Saya mengucapkan terima kasih kerana majlis ini memberi peluang untuk kita semua ingat termasuk saya akan asas-asas demokrasi yang kita amalkan di negara kita ini. Asasnya bukan sahaja hak untuk memilih kerajaan, tetapi juga menentukan kerajaan ini patuhi kepada undang-undang. Undang-undang yang melibatkan perlembagaan negara, tidak boleh diluluskan oleh mana-mana pihak.

Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan termasuk menteri-menteri kabinet dan timbalan-timbalan akan patuhi undang-undang negara. Tidak ada siapa yang terkecuali termasuk Raja-Raja, pemerintah, rakyat dan

pegawai tertentu. Saya harap kita semua pegang kepada asas-asas demokrasi mengikut undang-undang.

Sekian. Terima kasih.